

# Contoh situasi kesalahan melibatkan Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 (Beri Rasuah)




Ini **A**..  
Pemilik  
syarikat  
Songlap Sdn  
Bhd

**A** minta **B** untuk bantu syarikatnya dalam meluluskan laporan kemajuan kerja yang dihantar bagi Perkhidmatan Pembangunan Government Online Services (GOS) Gateway walaupun kemajuan kerja yang sebenar masih belum menepati syarat kontrak. Sebagai permulaan, **A** berikan "saguhati" sebanyak RM3,000 terlebih dahulu.

Ini **B**.. Pegawai ICT  
di JDN Cyberjaya



**B** enggan. **A** serahkan wang tunai RM3,000 dalam sampul. **B** beri amaran tetapi tidak diendahkan oleh **A**. **B** ambil wang tersebut dan lapor kepada SPRM melalui Ketua Jabatan beliau.



# Contoh situasi kesalahan melibatkan Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 (Beri Rasuah)



Ini **A**.. Pemilik syarikat Sekuriti Internet Sdn Bhd, yang menyediakan perkhidmatan berkaitan keselamatan internet

**A** merupakan kenalan **B** semasa di Kolej. **A** telah minta **B** untuk memastikan syarikatnya terpilih bagi sebutharga Perolehan Perkhidmatan Penilaian Tahap Keselamatan Internet di JDN Cyberjaya dan menawarkan wang sebanyak RM4,000 jika **B** bersetuju

Ini **B**.. Pengarah Teknologi Maklumat JDN



**B** enggan. **A** serahkan wang tunai RM4,000.00 dalam sampul tetapi ditolak oleh **B**. **B** beri amaran tetapi tidak diendahkan oleh **A**. **B** ambil wang tersebut dan lapor kepada Unit Integriti JDN melalui Ketua Jabatan



# Kesalahan **RASUAH** : False

# CLAIM

3

## Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]

Mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (contohnya, pesanan kerajaan, resit dan *invoice*) yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk menipu prinsipalnya (pejabat/majikan).

**CONTOH**

Seorang pegawai kerajaan (atau swasta) telah mengemukakan dokumen mengenai tuntutan elaun perjalanan kepada majikannya. Dalam tuntutan tersebut, beliau menyatakan telah bertugas rasmi di Pulau Pinang dan menuntut bayaran dan elaun yang layak.



Sebenarnya, pada tarikh tersebut, beliau berada di rumah dan tidak pergi ke tempat yang dinyatakan. Tuntutan tersebut adalah bagi mendapat keuntungan secara salah dan dengan niat untuk menipu majikannya.

### Baucar palsu: Bekas kakitangan RTM berdepan 20 pertuduhan



Tertuduh (dipaparkan) dibawa keluar dari mahkamah selepas selesai pertuduhan tertuduhnya di Mahkamah Sesyen hari ini.

KUALA LUMPUR - Seorang bekas pembantu tadbir kewangan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) mengaku tidak salah di Mahkamah Sesyen hari ini terhadap 20 pertuduhan memperdayakan majikan berhubung bayaran baucar palsu rancangan televisyen berjumlah lebih RM44,000, sejak enam tahun lalu.

PERTANYAAN  
RASUAH?  
IMBAS SINI :




# Kesalahan **RASUAH** : False

**C**LAIM



# Contoh situasi kesalahan melibatkan Seksyen 18 Akta SPRM 2009 (Tuntutan Palsu/False Claim)



Ini **K**.. Penolong  
Pegawai Tadbir di  
JDN

**K** telah pergi ke Johor Bharu atas  
urusan rasmi selama 3 hari 2  
malam dari 16-18 Januari 2024  
dan **K** menginap di rumah  
adiknya di Kg. Pisang Abu, Skudai  
bagi tempoh tersebut

Ini Bahagian  
Pentadbiran  
dan Kewangan  
JDN



**K** telah beli resit dari Hotel LefLef, Johor  
Bharu bagi tempoh tersebut dan buat  
tuntutan bayaran hotel berjumlah  
RM300.00 kepada Bahagian  
Pentadbiran dan Kewangan JDN. **K**  
telah terima bayaran tersebut 2 Minggu  
berikutnya.



Penafian : Ilustrasi adalah tidak berkaitan dengan mana-mana pihak dan hanya bagi tujuan pembelajaran sahaja



# Contoh situasi kesalahan melibatkan Seksyen 18 Akta SPRM 2009 (Tuntutan Palsu/False Claim)



Ini **A**.. Pemilik  
Syarikat Edit Buku  
Laju2 Sdn Bhd

Syarikat milik **A** telah dipilih oleh JDN Putrajaya bagi membekalkan buku Digital Malaysia sebanyak 500 unit dan perlu disiapkan dan dihantar sebelum 30 September 2024. Namun, **A** hanya mampu menyiapkan sebanyak 400 unit sahaja dan telah berhubung dengan **B** supaya memperakukan bahawa 500 buku tersebut telah dihantar dan diterima.

Ini **B**..  
Pustakawan di  
JDN Cyberjaya



**A** telah tawarkan wang sebanyak RM5,000.00 kepada **B** supaya membuat akaun penerimaan. **B** setuju dan telah terima bayaran tersebut melalui akaun syarikat miliknya. Akaun penerimaan / penyiapan kerja telah disahkan oleh **B** dan bayaran penuh telah dibuat oleh pihak JDN Cyberjaya.



Penafian : Ilustrasi adalah tidak berkaitan dengan mana-mana pihak dan hanya bagi tujuan pembelajaran sahaja



# Kesalahan RASUAH

## KE**D**UDUKAN

4

Kesalahan salah guna kuasa atau kedudukan oleh pegawai awam [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]

Kesalahan ini hanya melibatkan pegawai badan awam seperti mana yang ditetapkan oleh Akta SPRM 2009. Kesalahan berlaku apabila seseorang **pegawai badan awam menggunakan kedudukannya** dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung sesuatu perkara, di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

**CONTOH**

Dalam satu mesyuarat tender, pengerusi mesyuarat yang merupakan YDP sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menggunakan jawatan beliau dengan meluluskan dan memberikan projek pembinaan rumah kos rendah (di kawasan jajahan PBT itu) kepada syarikat XXX Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh isterinya sendiri.

### Pegawai Kesihatan didakwa guna kedudukan dapatkan kerja pembekalan

© 2020-08-27 10:43:27+08:00



an PERTUDUCIAN: Hanyu belajar ditanya berkaitan selepas prosiding.

KOTA KINABALU: Seorang Pegawai Kesihatan Persekitaran di Papar didakwa dengan 20 pertuduhan menggunakan kuasa untuk kerja-kerja pembekalan dan perkhidmatan yang bernilai RM1.7 juta kepada syarikat yang dimiliki isterinya.



Bekas pengurus GLC direman bersama dua anaknya bagi membantu siasatan salah guna kuasa berhubung pemberian projek RM50,000.

### Pengurus GLC, 2 anak ditahan kes salah guna kuasa

JOHOR BAHRU – Seorang bekas pengurus syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bersama dua anak lelaki direman tujuh hari bermula hari ini, bagi membantu siasatan kes penyalahgunaan kuasa melibatkan pemberian projek bernilai lebih RM50,000 kepada dua anaknya.



# Kesalahan RASUAH

KE**D**UDUKAN

Takrifan  
“Saudara”  
berdasarkan  
Seksyen 3  
Akta SPRM  
2009






# Kesalahan RASUAH

## KEDUDUKAN

Pertalian nasab ke  
atas / bawah :



# Kesalahan RASUAH

# KE**D**UDUKAN



# Contoh situasi kesalahan melibatkan JDN

## Seksyen 23 Akta SPRM 2009 (Salahguna Jawatan/Kedudukan)



Ini **A**. Pengarah  
JDN Penang

**A** tidak isytihar penglibatan syarikat anak saudaranya semasa Mesyuarat Perolehan dan beliau merupakan Pengerusi. 2 minggu berikutnya, SST dikeluarkan kepada Rosak Enterprise

Rosak Enterprise telah menyertai sebutharga bagi perkhidmatan membaik pulih kerosakan di stor penyimpanan aset JDN Penang



Ini **B**. Adik ipar **A**,  
pemilik syarikat Rosak  
Enterprise



# Hukuman Kesalahan RASUAH

**Seksyen 24** Akta SPRM 2009 menetapkan hukuman seperti berikut :

- **Penjara tidak lebih 20 tahun; DAN**
- **Lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.**



## CONTOH HUKUMAN DENDA

1

Jika suapan RM5,000, maka hukuman adalah penjara dan denda RM25,000 (RM5,000 x 5).

2

Jika jumlah suapan adalah RM1,000, maka hukuman adalah penjara dan denda RM10,000. Ini kerana, RM1,000 x 5 hanya RM5,000. Oleh kerana jumlahnya kurang daripada RM10,000 (nilai minimum), maka RM10,000 adalah denda yang akan dikenakan.

# Kesalahan lain yang **BOLEH** disiasat oleh **SPRM**

Penjawat awam terima benda berharga tanpa balasan

- ***Seksyen 165***

Pecah amanah jenayah

- ***Seksyen 403, 405, 407, 409***

Palsukan dokumen

- ***Seksyen 468***

Menggunakan surat pemalsuan sebagai tulen

- ***Seksyen 471***



# Contoh situasi kesalahan melibatkan

## Seksyen 165 Kanun Kesenak

(terima benda berharga tanpa balasan)



# Kesalahan lain yang **BOLEH** disiasat oleh **SPRM**



## Seksyen 4(1) – AMLATFAPUAA 2001

- a. Melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- b. Memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- c. Mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau
- d. Merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan

# Kesalahan lain yang **BOLEH** disiasat oleh **SPRM**

Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan

- Seksyen 10 - Akta 711



## Individu pertama didakwa Akta Perlindungan Pemberi Maklumat

Farah Marhita Abdul Patah - September 18, 2020 @ 9:38am  
farahmarhita@bh.com.my



Wafiy dihadapkan ke mahkamah berhubung Akta Perlindungan Maklumat di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. - NSTP/Hairul Anuar Rahim

KUALA LUMPUR: Seorang Timbalan Pengarah Education Malaysia Global Services (EMGS) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas tuduhan menyebabkan seorang kakitangan dipecat selepas memberi maklumat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).




# ***Nama pelaku rasuah akan dipaparkan dalam***



***Selama tempoh 3 tahun***

# Nama pelaku rasuah akan dipaparkan dalam



The screenshot displays the official website of the Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). The header includes the SPRM logo, the text 'Portal Rasmi SURUHAN JAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA', and the tagline 'Bebas • Telus • Profesional'. A toll-free number '1-800-88-6000' and a 'LAPORKAN RASUAH' button are also visible. The main content area is titled 'Data Pesalah Rasuah' and features a search interface with dropdown menus for 'Tahun', 'Sesuai', 'Kategori', and 'Warganegara', along with buttons for 'CARIAN', 'SET SEMULA', and 'STATISTIK'. Below the search filters, a row of four offender photos is displayed, with the text 'Showing 1-8 of 449 items' above them.

**Contoh Kes**

**RASUJAH**

**Sebenarnya**

# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

## Kerani didakwa makan rasuah RM13,480

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI 18 April 2023, 12:05 pm



NURUL SYAHIRAH dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru hari ini atas enam pertuduhan menggunakan jawatan sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 untuk mendapatkan suapan berjumlah RM13,480.20, tiga tahun lalu. - Foto oleh RAJA JAAFAR ALI/ KOSMO!

JOHOR BAHRU – Seorang kakitangan kerajaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas enam pertuduhan menggunakan jawatan sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 untuk mendapatkan suapan berjumlah RM13,480.20, tiga tahun lalu.

Berdasarkan pertuduhan, dia yang bertugas di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Mersing didakwa menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan dalam mengemukakan sebut harga Amir Barakah Enterprise yang keseluruhannya berjumlah RM13,480.20 melalui dokumen Borang Kajian Pasaran yang mana dia mempunyai kepentingan dalam syarikat itu.

Sebut harga terbabit adalah untuk melaksanakan pembekalan bagi alat-alat ganti kenderaan, kelengkapan pejabat, pembaikan kenderaan jabatan, kelengkapan penyiaran dan perhubungan, kelengkapan elektrik dan elektronik serta pelaksanaan kerja penyelenggaraan kenderaan penumpang.

# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

## Pengarah Teknologi Maklumat LLM, suami didakwa guna kedudukan syor projek

Bernama  
24/01/2024 18:09 MYT



*Sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi. - Gambar hiasan*

**SHAH ALAM:** Seorang pengarah Bahagian Teknologi Maklumat Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dua pertuduhan menggunakan kedudukan untuk mendapatkan suapan dengan mengesyorkan dua syarikat yang ada kaitan dengan suaminya.

MSTAR | SEMASA

## Rasuah: Bekas Pengurus Projek Petronas ICT Dipenjara, Denda Lebih RM70,000

Khamis, 03 Mac 2016 7:41 PM



**SHAH ALAM:** Seorang bekas pengurus projek Petronas ICT Sdn Bhd dipenjara sehari dan denda RM70,846 oleh Mahkamah Sesyen di sini, selepas mengaku bersalah bersetuju menerima suapan berjumlah RM14,169.20 sebagai dorongan untuk membocorkan maklumat mengenai sebut harga tender syarikatnya.

# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

SPRM lumpuhkan sindiket kartel monopoli projek kerajaan, tujuh individu termasuk seorang ketua sindiket berusia 47 tahun ditahan


## KARTEL BOLOT RM3.8 BILION TENDER KEMENTERIAN



- 10 Kementerian dan jabatan kerajaan jadi sasaran kartel yang beroperasi sejak 2014 untuk monopoli tender bernilai RM3.8 billion.
- Ketua kartel mengawal lebih 150 syarikat yang digunakan untuk memasuki tender atau sebut harga di Kementerian dan agensi yang terlibat.
- Kementerian yang jadi sasaran antaranya ialah Kementerian Pertahanan, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Kementerian Alam Sekitar dan Air, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Tujuh suspek yang dipercayai terlibat sindiket kartel projek bernilai RM3.8 bilion dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk mendapatkan perintah reman di Putrajaya pada Isnin.

## Modus operandi Kartel Projek



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

Hadapi 69 tuduhan palsu dokumen projek-projek kerajaan pada 2019, 2020

## Datuk berdepan penjara 483 tahun

Dua Mohd Yunus Yusoff



**SIAM ALAM** – Seorang ahli perniagaan tempatan Datuk yang ditahan berdepan sindiket kartel projek-projek kerajaan berdepan hukuman penjara sehingga 483 tahun selepas dituduh di Mahkamah Sijang di sini semalam.

Tersebut, Datuk Adly Kusrini, 47, bagaimanapun pengadil tidak bertolak ansur bagi 69 pertuduhan yang di-bawakan terhadapnya di Mahkamah Sijang (Mahkamah Sijang) yang mengesahkan masa lebih satu jam.

Adly yang ditahan di pejabat M&E, Yuran 2 (M&E) berkaitan dengan kes-kes yang berkaitan dengan projek-projek yang bernilai pada tahun 2020.

Mengikut siaran pertubuhan, Adly ditahan melibatkan peralihan dokumen dengan orang-orang lain yang berkaitan dengan projek-projek kerajaan.

Adly ditahan pada 10.30 pagi.

Adly ditahan melibatkan peralihan dokumen dengan orang-orang lain yang berkaitan dengan projek-projek kerajaan.

Adly ditahan pada 10.30 pagi.

Adly ditahan melibatkan peralihan dokumen dengan orang-orang lain yang berkaitan dengan projek-projek kerajaan.

Adly ditahan pada 10.30 pagi.

### Senarai aset milik ketua sindiket kartel projek yang disita SPRM



**Kenderaan mewah**  
Porsche 911, Ford Mustang GT, Nissan Fairlady Z, Ferrari 458, Range Rover, Toyota Alphard, Mercedes Benz, McLaren  
**RM15.7 juta**



**Unit hartanah**  
Terdiri daripada banglo, rumah kedai dan pejabat  
**RM29 juta**



**Kapal layar mewah**  
**Nilai tidak diketahui**



**Wang tunai**  
Ditemui di rumah suspek di Kuala Lumpur  
**RM3.5 juta**



**Dua helikopter**  
**RM7 juta** (anggaran)




Kosmo | 2 September 2021 | Page 1,3



## Datuk Adly dituduh tipu JKR

Kartel boikot projek berdepan hukuman penjara 483 tahun

Adly ditahan melibatkan peralihan dokumen dengan orang-orang lain yang berkaitan dengan projek-projek kerajaan.

Adly ditahan pada 10.30 pagi.

**PERTANYAAN RASUAH? IMBAS SINI!**



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

BERITA [Follow](#) > Semasa [Follow](#)

## Kartel projek RM3.8 bilion: Pegawai kanan kerajaan diberkas

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN 08 April 2021 11:48am Masa membaca: 1 minit



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret untuk permohonan tahanan reman.

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami

PUTRAJAYA - [DIKEMAS KINI] Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberkas seorang pegawai kanan sebuah agensi susulan pembongkaran kartel tender kerajaan bernilai RM3.8 bilion.

Lelaki berusia 38 tahun yang bekerja sebagai juru ukur bahan gred 48 dipercayai terlibat dalam kerja-kerja penyediaan 'bill of quality' (BQ) bagi projek-projek yang ditawarkan agensi terbabit.

Menurut sumber, dia dipercayai menerima rasuah bagi membolehkan maklumat berhubung spesifikasi projek kepada ketua sindikat untuk memudahkan penyediaan dokumen tender.

"Pegawai terbabit ditahan lewat malam semalam di rumahnya di Ampang," katanya.

Rabu, 7 April 2021

Nasional

## Susulan pembongkaran kartel tender projek kerajaan

# Juruukur disiasat terima rasuah RM1.2 juta

### Modus operandi Kartel Projek

- Buka lebih 150 syarikat. Menggalakan setiap individu pengarah syarikat antara RM5,000 hingga RM8,000.
- Semua syarikat akan digunakan secara bergilir-gilir untuk masuk tender, sebut harga di Kementerian dan agensi kerajaan.
- Nama 114 individu digunakan untuk buka lebih 150 syarikat, tetapi semuanya milik suspek.
- Orang dalam di Kementerian, agensi kerajaan bawakan sebut harga, spesifikasi projek dan harga siling.
- Semua syarikat guna maklumat paku kelayakan akademik pengarah siji profesional dan perisyt kewangan bagi meyakinkan lembaga tender.

Majistret keluar perintah reman hingga 12 April

Oleh Nour Arifq Sulaiman bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Seorang juruukur bahan sebagai salah seorang pegawai kanan sebuah agensi susulan pembongkaran kartel tender kerajaan bernilai RM3.8 bilion. Lelaki berusia 38 tahun yang bekerja sebagai juru ukur bahan gred 48 dipercayai terlibat dalam kerja-kerja penyediaan 'bill of quality' (BQ) bagi projek-projek yang ditawarkan agensi terbabit.

Menurut sumber, dia dipercayai menerima rasuah bagi membolehkan maklumat berhubung spesifikasi projek kepada ketua sindikat untuk memudahkan penyediaan dokumen tender.

"Pegawai terbabit ditahan lewat malam semalam di rumahnya di Ampang," katanya.

Sumber memberitahu, juruukur bahan avari di itu dipercayai terlibat dalam kerja penyediaan Bill of Quality (BQ) bagi projek yang ditawarkan agensi berkenaan.

Suspek itu dipercayai akan menerima rasuah sebanyak RM1.2 juta atas penyediaan dokumen spesifikasi projek yang ditunjukkan kepada agensi terbabit.

Majistret Sudi Wira Abdul Halim mengeluarkan perintah reman hingga 12 April ini selepas mendengar permohonan di Mahkamah Syariah Malaysia Penempatan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya.

"Hasil ribakan membuat biaran menerima rasuah sebanyak RM1,200,000 bagi maklumat yang di sahkan kepada ketua sindikat."

"Setelah ini suspek menerima empat kali bayaran dengan anggaran RM1.2 juta," katanya.

Sementara itu, Ketua Ketua Pencegahan SPRM, Datuk Seri Azam Baki menegaskan yang kementerian itu tetapi tidak menjangka.

Kemudian, SPRM membatalkan sindikat kartel tender projek kerajaan dengan perubahan: tarikh individu terasah ketuanya dalam operasi yang dijalankan.

Semua mereka di bawakan maklumat mengenai 354 tender beberapa Kementerian serta agensi kerajaan di seluruh negara akan baharu projek bernilai RM18 bilion sejak 2014 hingga kini dan modus operandi sindikat dipercayai menggunakan lebih 150 syarikat bagi menawarkan tender atau sebut harga di Kementerian serta agensi terbabit.

**PERTANYAAN RASUAH? IMBAS SINI :**





# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

Berita Harian | 12 September 2019 | M/S: 60

## Hakim Mahkamah Syariah disyaki rasuah ditahan

Suspek didakwa lepaskan pegawai polis dalam kes khalwat

Oleh Shamsul Kamal Amarudin  
shaka@nstp.com.my

**Ipoh:** Seorang hakim mahkamah syariah ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin selepas disyaki menerima suapan RM4,000 bagi melepaskan se-

rang pegawai polis berpangkat Inspektor yang dalam perbicaraan kes khalwat.

Turut ditahan ialah seorang anggota polis berpangkat Lans Koperat berusia 30 tahun yang dipercayai bersubahat dalam perbuatan itu.

Anggota polis itu ditahan di tempat dia bertugas di Balai Polis Bukit Merah di sini pada jam 1.45 pagi semalam.

Hakim Mahkamah Rendah Syariah Ipoh berusia 37 tahun itu pula ditahan di sebuah kedai makan di Desa Chemor dekat sini pada jam 11.30 malam kelmarin.

Kedua-duanya direman selama

lima hari bermula semalam sehingga Ahad ini bagi disiasat mengikut Seksyen 17 Akta SPRM 2009.

Permohonan reman itu dibuat di hadapan Penolong Pendaftar mahkamah, N Mageswari.

Hakim mahkamah syariah itu diwakili peguam, Dayang Noremilia Azman Shah, manakala anggota polis diwakili oleh Vivien Mitciel Benedict.

Terdahulu, kedua-dua suspek dibawa menaiki sebuah kenderaan dan dibawa ke kamar mahkamah pada jam 11.10 pagi sebelum keluar kira-kira dua jam kemudian.



Suspek dibawa anggota SPRM bagi mendapatkan tahanan reman di Ipoh, semalam.  
(Foto Abdullah Yusof/BH)



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

11 November 2023 | Kosmo | Page 12

## Penguat kuasa dicekup SPRM di sebuah hotel Ditahan gara-gara minta habuan seks

Oleh MUHAMMAD NAJIB  
AHMAD FUAD

**PUTRAJAYA** – Tindakan seorang penguat kuasa sebuah agensi di Johor yang meminta habuan seks daripada seorang wanita sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan ke atas mangsa membawa padah apabila dia ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sumber berkata, suspek lelaki berusia lingkungan 40-an itu diperrayai ditahan ketika bersama seorang wanita berusia 30-an dalam satu operasi khas di sebuah hotel di Johor Bahru kira-kira pukul 7:30 malam kelmarin.

Katanya, wanita tersebut dipercayai gagal melaporkan diri secara lisan kepada agensi penguat kuasa berkenaan dan bagi mengagihkan dakwaan di mahkamah, suspek telah meminta habuan seks daripadanya.

"Wanita tersebut pernah ditahan kerana kesalahan dadah dan sedang menjalani tempoh pengawasan selama dua tahun di sebuah agensi penguat kuasa di Johor Bahru," katanya.

Susulan penerbitan tersebut, sumber berkata, suspek telah ditawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru bagi tujuan reman pagi esok.

Jelasnya, Penolong kanan Pendakwa Mahkamah, Chai Ing Hien telah mengeluarkan perintah reman selama empat hari bermula semalam hingga 13 November terhadap suspek.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Aam Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan penerbitan tersebut dan kes di bawah di bawah Seksyen 36(1)(b) Akta SPRM 2009.

Di **Kota Kinabalu**, dua pegawai



SUSPEK yang juga penguat kuasa sebuah agensi dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru semalam untuk mendapatkan perintah reman.

wei penguat kuasa turut ditahan SPRM selepas diajak meminta rasuah daripada seorang individu sebanyak RM5,000 sebagai balasan bagi menyiparkan hukuman berkaitan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol.

Sumber berkata, kedua-dua suspek lelaki berusia antara 30-an hingga 40-an itu ditahan kira-kira pukul 7 malam kelmarin di pejabat SPRM Sabah ketika diminta hadir memberi keterangan.

"Kedua-dua suspek yang tertinggal di sebuah daerah di Sabah dipercayai meminta wang tunai berjumlah - kira-kira - RM5,000 pada 4 Oktober lalu yang mana RM2,000 telah dibertukar pada 17 Oktober 2023 kepada salah seorang suspek," katanya.

Pengarah SPRM Sabah, Datuk S. Karunathy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan kedua-dua suspek.

## Pekerja pejabat agama dituduh meminta rasuah seks

### Turut dituduh meminta rasuah RM1,500 daripada pesalah wanita

SEORANG pekerja am rendah di pejabat Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Melaka semalam atas tuduhan mengambil rasuah dan meminta seks daripada seorang pesalah wanita sebagai upah untuk dilepaskan daripada tuduhan khalwat.



PERTANYAAN  
RASUAH?  
IMBAS SINI:



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

25 August 2023 | Berita Harian | Page 21

## 40 minit baca 98 tuduhan rasuah ketua balai polis

**Tertuduh  
didakwa terima  
suapan babit  
nilai keseluruhan  
RM31,400**

Oleh Asrol Awang  
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Pertuduhan ke atas seorang ketua balai polis berpangkat Sarjan Mejar di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam memerlukan empat jurubahasa untuk membacakan semua 98 pertu-

duhan yang dihadapi tertuduh.

Empat jurubahasa itu mengambil masa lebih 40 minit bagi membaca semua pertuduhan membabitkan kes rasuah dengan nilai keseluruhan RM31,400 yang dihadapi tertuduh, Anuar Yaakob, 54, di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa menerima wang tunai antara RM100 hingga RM2,000 tanpa balasan daripada beberapa individu yang mempunyai hubungan dengan tugas rasminya melalui pindahan wang secara dalam talian ke akaun miliknya antara Januari 2021 sehingga Oktober 2022.

Tertuduh didakwa melaku-



Anuar dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuantan, semalam.

(Foto Asrol Awang/BH)

kan perbuatan itu sekitar Kuantan ketika bertugas di Bahagian Siasatan/Perundangan (D5) Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang dengan pangkat Sarjan dan Ketua Balai Polis Cherating sebagai Sarjan Mejar antara Januari 2021 sehingga Oktober 2022.

Anuar yang berkhidmat selama 33 tahun dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, boleh dipenjara selama tempoh dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pada prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rif'ah Izzati

Abdul Mutalif memohon jaminan RM15,000 bagi semua pertuduhan.

"Tertuduh juga dikehendaki melaporkan diri di pejabat SPRM Pahang, pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah dan tidak melakukan kacau ganggu saksi pendakwaan," katanya.

### **Ikut jamin RM15,000**

Sementara itu, peguam tertuduh, Mohd Baharuddin Ahmad Kassim dalam rayuannya memohon wang jaminan itu dikurangkan kerana tertuduh menanggung isteri yang tidak bekerja dan tiga anak.

"Pendapatan bersih tertuduh berjumlah RM3,000 dan turut

menanggung ibu bapa, masing-masing berumur 73 dan 76 tahun," katanya.

Ahmad Zamzani kemudiannya membenarkan ikat jamin RM15,000 dengan tiga syarat tambahan.

Tertuduh diperintahkan supaya melapor diri di pejabat SPRM berhampiran setiap bulan bermula bulan depan sehingga kes selesai.

Ahmad Zamzani memberitahu tertuduh perlu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah sehingga perbicaraan selesai dan tertuduh tidak melakukan kacau ganggu saksi pendakwaan dan kes disebut semula pada 25 September ini untuk serahan dokumen.



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

## Kemuka dokumen palsu, tiga pemilik syarikat didenda RM50,000

Adie Sufian Zukkefli  
29/08/2022 16:04 MYT



Tiga pemilik syarikat mengaku bersalah mengemukakan dokumen palsu bagi mendapatkan tender daripada sebuah syarikat pembersihan, tiga tahun lalu. - Foto Astro AWANI

## Bocor maklumat tender, suami isteri direman



Oleh Muhammad Yusri Muzamir - Mac 23, 2022 @ 6:04pm  
yusri.muzamir@bh.com.my



SPRM menahan pasangan suami isteri bocorkan maklumat tender LLM di Mahkamah Majistret Putrajaya. - Foto ihsan SPRM

KUALA LUMPUR: Mahkamah Majistret Putrajaya hari ini, membenarkan permohonan reman lima hari ke atas sepasang suami isteri bagi membantu siasatan pembocoran tender.



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

## Pemilik syarikat, pekerja didakwa kemuka dokumen palsu tuntutan insentif Penjana Kerjaya

Bernama  
31/10/2023 13:48 MYT



Hakim membenarkan mereka diikat jamin RM15,000 setiap seorang dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 Nov ini untuk sebutan semula kes. - Foto Bernama

## Guru besar, kontraktor didakwa tuntutan bayaran guna dokumen palsu

Bernama  
21/05/2024 19:34 MYT



Tertuduh, Abd Rasad Sadikir @ Sadikil (kiri) dan Rasnah Majuan hadir di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu hari ini. - Foto Bernama

**KOTA KINABALU:** Seorang guru besar sebuah sekolah rendah di Pitas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas iapan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan bersubahat dengan kontraktor bagi tuntutan bayaran pembekalan alatan keperluan sekolah berjumlah RM9,667, empat tahun lepas.



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

16 January 2024 | Harian Metro | Page 4

## *Sarjan nafi minta rasuah RM20k*

**Johor Bahru:** Seorang anggota polis wanita berpangkat sarjan didakwa atas pertuduhan menerima rasuah RM20,000 sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap seorang wanita yang terbabit kes pecah amanah, dua tahun lalu.

Tertuduh, S Usha Nantiny, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman di di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Mengikut kertas pertu-

duhan, tertuduh didakwa meminta suapan RM20,000 daripada seorang lelaki bagi melepaskan isterinya dalam kes pecah amanah sebagai dorongan untuk tidak menahan wanita berkenaan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, IPD Segamat, jam 4.50 petang, 28 Ogos 2022.

Pertuduhan dijalankan di bawah Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta

sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Zander Lim Wai Keong manakala tertuduh diwakili peguam, S Selvantheran.

Pendakwaan memohon jaminan RM15,000 namun Selvantheran dalam hujahnya memberitahu, tertuduh hanya mampu mem-

bayar jaminan RM8,000.

"Ia di luar kemampuan tertuduh, wanita itu masih berkhidmat di IPD Segamat dan mempunyai tanggungan dua anak berusia lima dan enam tahun serta ibu bapa mentua," hujahnya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin, selain perlu menyerahkan pasport serta melaporkan diri ke pejabat SPRM Segamat setiap bulan.

Tarikh 24 Mac ditetapkan sebagai sebutan semula kes dan serahan dokumen.

USHA Nantiny dibawa keluar dari mahkamah.



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

10 August 2023 | Harian Metro | Page 22

## Denda serta **penjara**

Oleh Norzamira  
Che Noh  
am@hmetro.com.my

*Bekas guru besar SRA mengaku minta komisyen 11% kena jel sehari selain kena bayar RM10,000*

### Shah Alam

**B**ekas guru besar sekolah rendah agama (SRA) dipenjarakan dan denda RM10,000 semalam, selepas mengaku bersalah atas tuduhan rasuah berhubung kerja naik taraf bangunan dan infrastruktur SRA dalam daerah Petaling dan Kuala Selangor pada 2019.

Hakim Mahkamah Sesyen di sini, Datuk Anita Harun menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Kamaludin Sahlan, 51, menukar pengakuan bersalah terhadap pertuduhan dihadapinya Di-sember tahun lalu.

Kamaludin juga diperintahkan menjalani tambahan lima bulan penjara sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Kamaludin yang sebelum ini bertugas di SRA dalam daerah Petaling Jaya didakwa meminta 11 peratus daripada seorang lelaki seba-

gai dorongan membantu individu itu mendapatkan kerja selenggara dan naik taraf bangunan dan infrastruktur SRA dalam daerah Petaling dan Kuala Selangor.

Tertuduh juga mengaku menerima RM164,800 menerusi pindahan ke akaun bank miliknya daripada seorang lelaki berusia 53 tahun atas tujuan sama.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah premis di Telok Panglima Garang, Kuala Langat dan sebuah cawangan bank di Kota Kemuning, Seksyen 31 di sini, antara Mei 2019 hingga 21 April 2021.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta yang sama.

Sabit kesalahan boleh di-



KAMALUDIN

hukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 bagi setiap pertuduhan.

Peguam, Mohd Shahrul Khan Nawab Zadah Khan dalam rayuannya memaklumkan anak guamnya itu sangat menyesal dan insaf atas kesalahan dilakukan.

"Kami memohon hukuman ringan memandangkan Kamaludin bukan sahaja akan dipenjarakan atau denda malah kehilangan kerja, gratuiti (pampasan) dan pencen," katanya.

Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Aliff Shahruman kemudian menegaskan kesalahan rasuah adalah serius dan sudah bermaharajelela dalam masyarakat.

8 November 2023 | Harian Metro | Page 11

## 'Kamu sepatutnya menjadi **teladan** kepada anak-anak'

Oleh Suzana Baslan  
suzana@hmetro.com.my

*Pembantu tadbir kewangan didenda RM20,000 bersubhat guna dokumen palsu*

### Kuala Lumpur

**"M**ajikanlah bagi seorang lelaki, kamu sepatutnya menjadi teladan kepada anak-anak."

Demi kata Hakim Mahkamah Sesyen di sini, Suzana Jyoh sebelum menjatuhkan hukuman denda RM20,000 terhadap seorang pembantu tadbir kewangan di sebuah kementerian, serentak.

Tertuduh, Nuralhuda Ismail, 35, mengaku bersalah atas tuduhan menggunakan dokumen palsu dengan nilai mencecahkan Kementerian Pertahanan Malaysia.

Mengikut pertuduhan, ibu tiga anak itu didakwa bersubahat dengan Pegawai Syarikat Mena Jaya Cahai Enterprise, Nordin Yusoff, 30, sebagai ejen kepada Kementerian Pertahanan Malaysia dengan menggunakan dokumen palsu.

Wanita itu didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keselamatan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 471 Kanun sama, jika disabitkan boleh dipenjarakan maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Nuralhuda yang tidak diwakili peguam rayuan dikenakan hukuman denda dan tidak dipenjarakan kerana alasan memanggungi keluarga dan tiga anak masih bersekolah.



NURALHUDA mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

ma, Markus Yusoff Lait, Kementerian Pertahanan Malaysia di sini, antara Februari hingga Mac 2022.

Nuralhuda yang tidak diwakili peguam rayuan dikenakan hukuman denda dan tidak dipenjarakan kerana alasan memanggungi keluarga dan tiga anak masih bersekolah.

"Saya insaf dan menyesal

serta berjaya tidak akan melupakan kesalahan saya dan mohon hukuman denda antara RM20,000 hingga RM25,000," katanya.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Adipati Ab Razak memohon hukuman serentak atas kesalahan dilakukan tertuduh.

"Kes ini membolehkan pegawai awam selaku pembantu tadbir kewangan menggunakan perkhidmatan, ini perbuatan rasuah yang tidak seharusnya di-remahi oleh jenayah.

"Penggunaan dokumen palsu adalah sikap yang

buruk tertuduh dan kes ini membolehkan kepimpinan awam ditamadkan menjadi teladan perkhidmatan.

"Oh! Ya, kami memohon hukuman serentak, pertuduhan tidak membolehkan jumlah sekiranya hukuman denda hingga RM25,000, tertuduh tidak rekod lampau," katanya.

Mendengar bualah kes-kes gila, Suzana menasihatkan tertuduh supaya insaf sebelum memulakan denda RM20,000 atau dipenjarakan sehari jika gagal membayar denda berkenaan.

PERTANYAAN  
RASUAH?  
IMBAS SINI:



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

Dalam usaha siasat penguat kuasa rasuah

## SPRM 'BUKA' RUMAH URUT

**Eksklusif**

- » Demi buktikan berlaku amalan rasuah dan aktiviti pelacuran, SPRM buka rumah urut gadungan.
- » Kesungguhan agensi itu dibuktikan dalam satu operasi sulit.
- » Operasi melibatkan penyamaran oleh pegawai-pegawai terlatih memakan masa selama empat bulan.
- » Hasilnya 14 suspek termasuk tujuh penjawat awam ditahan.

PEGAWAI SPRM mengiringi 10 suspek yang direman kerana dipercayai terbabit melindungi serta menerima sogokan pemilik rumah urut di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. - MINGGUAN RASHID MAHFOF

**BERITA DI MUKA 3**





# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

**SPRM** FOKUS

SPRM Fokus merupakan kisah benar berdasarkan siasatan SPRM. Kandungannya bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang nilai-nilai murni dan memberi pengajaran kepada mereka tentang bahaya jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

## 5 penjawat awam termasuk Ketua Balai Polis Setapak kena dakwa

Fatin Hafizah Mohd Shahar - Mac 27, 2019 @ 8:24pm  
fatin@bh.com.my



KETUA Balai Polis Setapak (tiga, kanan) dan Lans Koperai (dua, kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen hari ini atas tuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung operasi rumah urut 'Ops Kota Raya'. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Lima penjawat awam termasuk Ketua Balai Polis Setapak didakwa di tiga Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas tuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung operasi rumah urut 'Ops Kotaraya' tahun lalu dan awal tahun ini.

Selain Ketua Balai Polis Setapak, Asisten Superintendan (ASP) Sherman Salleh, 42; empat lagi tertuduh ialah Lans Koperai Faizal Miza Zakariah, 35; anggota bomba, Mohd Fadzli Jamaludin, 48 serta dua penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Khairil Faezi Mohd Aziz, 32, dan Qairul Redza Mohd Hadzri, 35.



PERTANYAAN  
RASUAH?  
IMBAS SINI:



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

## Empat individu direman kes rasuah, projek pembinaan, naik taraf jalan

Umavathi Ramayah

Januari 11, 2023 17:57 MYT



Empat pegawai pengurusan tertinggi sebuah syarikat ditahan reman enam hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan projek pembinaan dan menaik taraf jalan bernilai RM114 juta.

Berita Harian | 3 August 2021 | Page 16



Lima individu ditahan ke Mahkamah Majistret Alor Setar, semalam.

(Foto Laporan Harian Berita Harian)

## 5 direman bantu siasatan pindah hak milik tanah tak sah

SPRM giat kesan beberapa individu lain terbabit dalam kegiatan masa

Oleh Nurazura Abdul Rahman  
nura@hh.com.my

**Alor Setar:** Lima individu, termasuk tiga kakitangan pejabat daerah dan tanah tegar ini, direman selama lima hari berturut-turut. Yang menyifatkan siasatan kegiatan pindah hak milik tanah tidak sah.

Perintah reman ke atas semua suspek diterbitkan Pejabat Pendaftaran Tanah Alor Setar, Wan Nor Fazilah Wan Ibrahim selepas mendapati permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Semua suspek, termasuk seorang wanita berusia antara 40 hingga 57 tahun tiba kira-kira jam 10 pagi semalam, di Kompleks Mahkamah Alor Setar dengan memakai kenderaan SPRM dan diringi pegawai agensi terbabit.

Semua suspek, termasuk seorang berjawatan penolong pegawai tuisah dan pembantu tadika, dikatakan menerima rasuah daripada seorang pemilik tanah di satu daerah sebagai balasan mendaftar 61 nama pemilik lain ke dalam lak milik tanah.

Meski dipercayai melibatkan proses itu tanpa melalui urusan pindah milik tanah yang sah di antara 2010 hingga 2020.

Kes itu dituntut mengikut Seksyen 17(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ditambahkan, SPRM kini sedang mengesan beberapa individu lain yang dipercayai terbabit dalam kegiatan rasuah, selain berusaha mendapatkan dokumen penting berkaitan kes.

PERTANYAAN  
RASUAH?  
IMBAS SINI :



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

Harian Metro | 21 November 2020 | Page: 1 & 2



## 6 pegawai imigresen seludup warga asing

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
szg@metro.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 SEPT.

**M**ENDAPAT bayaran RM300,000 sebulan daripada 15 sindiket pemerdagangan manusia dan menjayakan gaya hidup mewah dalam laman sosial.

Jumlah bayaran dikenakan mengikut negara

NEGARA	BIASA	SENARAI HITAM	PALSU
China	RM250	RM600	RM600
Vietnam	RM250	RM600	RM600
Bangladesh	RM250	RM600	RM600
Pakistan	RM250	RM600	RM600
Myanmar	RM250	RM600	RM600
Indonesia	RM250	RM600	RM600
Nigeria	RM250	RM600	RM600
Nepal	RM250	RM600	RM600
Iran	RM250	RM600	RM600
Uzbekistan	RM250	RM600	RM600

Itu tindakan enam pegawai imigresen berpangkat KP19 dan KP22 apabila menyeludup masuk 200 warga asing setiap bulan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sejang dekat sini.

Menurut sumber, modus operandi dilakukan ialah sindiket mengemakan bayaran RM600 hingga RM6,000 bagi melepaskan setiap individu yang disenarai hitam atau tidak cukup syarat untuk masuk atau keluar ke negara ini.

Tambahan, antara warga asing yang disedup adalah dari China, Vietnam, Bangladesh, Pakistan, Myanmar, Indonesia, Nigeria, Nepal, Iran dan Uzbekistan.

"Caj paling tinggi dikenakan adalah kepada warga Bangladesh mengikut status perjalanannya mereka. Sindiket kenakan RM4,000 bagi mempunyai dokumen sah, RM6,000 sekiranya dihalang masuk ke negara ini dan RM5,000 jika dokumen per-  
jalanan palsu," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Tambah sumber lagi, bagi melancarkan operasi membantu warga asing terdiri daripada penjerayah, pelacur mahupun penganas laluan ke negara ini, mereka menghubungi ejen penghubung kepada ketua sindiket.

"Ejen warga tempatan itu mempunyai salinan jadual waktu kerja pegawai imigresen termasuk ketua sindiket tersebut. ladi, ejen akan mengarahkan semua warga asing yang mahu masuk atau keluar untuk membeli tiket penerbangan masing-masing pada hari pegawai imigresen tersebut bertugas.

"Individu yang disenarai hitam kemudian diminta memberikan nama, nombor pasport, nombor penerbangan dan tarikh serta masa ketibaannya. Manakala, pegawai imigresen akan mem-  
berikan ejen nombor kaunter yang diperlukan (migra) untuk mendapatkan laluan selamat ke dalam negara," katanya.

Selain itu, katanya, sindiket diketuai pegawai imigresen terlibat turut membantu menyeludup masuk atau keluar rakyat Malaysia yang disenarai hitam termasuk pemegang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPN) atau penjerayah.

Jakarnya, ada segelintir pegawai terlibat mampu hidup mewah apabila menerima rasuah RM275,000 dalam tempoh dua hari.

"Hasil sogokan itu, seorang pegawai berpangkat KP19 dikesan membelanjakannya dengan melancong ke Eropah dan membelanja barangan mewah sebagaimana dipaparkan dalam laman sosial Facebook suspek dan isteri," katanya.



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

**5** Pegawai JIM (ahli sindiket) cop dokumen keluar/masuk dan lepaskan warga asing

**6** Bayaran dipersetujui akan dibayar ejen kepada proksi pegawai JIM terbabit sebelum diagihkan kepada ahlinya

EJEN      PROKSI      PEGAWAI JIM (ahli sindiket)

bayar      bayar

UPAH SETIAP URUSAN **RM2,000** DIBERIKAN KEPADA EJEN

SUDAH LEPASKAN **200** WARGA ASING DARI PELBAGAI NEGARA

SINDIKET MAMPU KAUT LABA **RM300,000** SEBULAN

REKOD TERTINGGI SINDIKET KAUT **RM275,000** SELAMA DUA HARI (LEPASKAN WARGA ASING)

Habuan  
RM300,000  
sebulan

» SPRM tahan lapan individu termasuk enam pegawai imigresen, kerana jenayah penerdagangan manusia di KLIA, semalam.

» Hidup mewah dengan terima bayaran RM300,000 sebulan daripada sindiket.

» Seludup 200 warga asing setiap bulan, benarkan pemegang pasport disenarai hitam ke luar negara termasuk peminjam PTPTN.

**BERITA  
DI MUKA 6**




PERTANYAAN  
RASUAH?  
IMBAS SINI :



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar



PERTANYAAN  
RASUAH?  
IMBAS SINI:





# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

SPRM gempur JPJ Pulau Pinang

## RASUAH LORI KEBAL

 Operasi terbesar SPRM buru penguat kuasa rasuah.

23 anggota JPJ ditahan.  
Lebih 50 lagi dijangka ditangkap.

8 orang awam turut diberkas.

Disyaki melindungi lori hantu atau lori kebal.

Terima suapan antara RM10,000 dan RM32,000 sebulan.

**SL 22**

Pelekat khas ditampal pada lori sebagai tanda untuk JPJ tidak kenakan tindakan.

**BERITA PENUH DI MUKA 3**




Anggota SPRM membawa 30 individu termasuk 24 penguat kuasa JPJ untuk mendapatkan perintah tahanan reman di Mahkamah Georgetown. Kesemua mereka berusia 31 hingga 54 tahun ditahan di sekitar Pulau Pinang selepas satu operasi khas SPRM pada jam 10 pagi hingga 4 petang semalam. - Foto Danial Saad

PERTANYAAN  
RASUAH?  
IMBAS SINI :



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

**SPRM** FOKUS

SPRM Fokus merupakan kisah benar berdasarkan siasatan SPRM. Kandungannya bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang nilai-nilai murni dan memberi pengajaran kepada mereka tentang bahaya jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

Harian Metro | 12 January 2023 | Page 6

## Pegawai PPK lantik syarikat ada kepentingan direman

**Kuching:** Seorang pegawai kanan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di negeri ini direman enam hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes penyalahgunaan kuasa.

Majistret Sharifah Fatimah Azura Wan Ali mengeluarkan perintah reman sehingga 16 Januari itu selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) membuat permohonan di Mahkamah Majistret, di sini.

Menurut sumber, lelaki berusia 58 tahun itu ditahan sepasukan pegawai SPRM dalam Ops Bekal di sini, jam 3:30 petang kelmarin untuk membantu siasatan.

Katanya, suspek disyaki menyalahgunakan kuasa dan jawatannya untuk melantik sebuah syarikat yang mempunyai kepentingan dengannya.

"Siasatan dijalankan me-



SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Kuching bagi mendapat perintah reman.

ngikat Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009," katanya.

Difahamkan, syarikat terbabit dilantik bagi menyediakan cenderahati dan kerja-kerja persiapan majlis

penghargaan untuk sebuah jabatan kerajaan Sarawak pada 2020.

Semua kos cenderahati dan persiapan majlis berkenaan bernilai RM27,800.

Harian Metro | 18 January 2023 | Page 13

## Disyaki salah guna jawatan

SPRM cekup 2 penjawat awam minta, terima sumbangan

Oleh Ahmad Hasbi  
ana@hmetro.com.my

Seremban

**D**ua penjawat awam di negeri ini ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyalahgunakan jawatan masing-masing bagi meminta dan menerima sumbangan daripada ahli sebuah pertubuhan demi kepentingan sendiri.

Kedua-dua penjawat awam masing-masing berusia 37 dan

43 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Negeri Sembilan, di sini, pada jam 7:30 malam kelmarin.

Sumber SPRM Negeri Sembilan berkata, kedua-dua suspek bertugas di sebuah jabatan kerajaan di negeri ini masing-masing sebagai pegawai dan pembantu tadbir.

"SPRM Negeri Sembilan membuat tangkapan terhadap dua penjawat awam kerana disyaki menggunakan jawatan dan kedudukannya untuk meminta dan menerima sejumlah sumbangan daripada be-



DUA penjawat awam direman di Mahkamah Majistret Seremban. - Gambar NNT/ABUL EDRHAM

berapa ahli kehormatan dan bersekutu pertubuhan terbabit.

"Sumbangan dipercayai dimasukkan ke dalam akaun bank milik suspek, isteri dan syarikat milik isteri dikatakan untuk kepentingan dirinya sendiri. Kesalahan di-

kesan dilakukan dari 2020 hingga 2022," katanya.

Menurutnya, permohonan reman terhadap kedua-dua suspek selama enam hari diluluskan Majistret Naziah Mohd Alias di Mahkamah Majistret, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan Awangkok Ahmad Taufik Putra Awang Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan dua lelaki terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Kesalahan dikesan dilakukan dari 2020 hingga 2022.

PERTANYAAN  
RASUAH?  
IMBAS SINI:



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

SPRM bongkar kegiatan sindiket bitcoin beri suapan kepada petugas TNB

## Tawar rasuah sehingga RM300,000

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya membongkar kegiatan sindiket melombong bitcoin yang dipercayai memberi rasuah kepada pekerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi Ops Power baru-baru ini.

Dalam operasi itu, SPRM menahan 18 individu bagi membantu siasatan kes suapan rasuah yang menawarkan wang antara RM3,000 hingga RM300,000.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya sepatutnya menahan 23 individu kesemuanya, namun lima daripadanya tidak dapat ditahan lagi kerana positif Covid-19.

Menurutnya, kesemua suspek lelaki berusia antara 30 hingga 60 tahun itu adalah rakyat tempatan dan salah seorang mereka adalah dalam sindiket terbahit.

"Suspek dipercayai menawarkan rasuah antara RM3,000 hing-



**AZAM (tengah)** menunjukkan peralatan melombong bitcoin selepas sidang akhbar Ops Power di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya semalam. Hadir sama Baharin (kanan) dan Abdul Razib. - FANISL MUSTAFA

ga RM300,000 kepada pekerja TNB supaya tidak mengambil tindakan dan membocorkan maklumat operasi.

"Pembayaran rasuah akan dilakukan secara tunai atau wang

kripto selain turut dibayar secara bulanan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Hadir sama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din dan Ketua

Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Abdul Razib Dalwood.

Azam memberitahu, dalam operasi itu, SPRM turut merampas wang rasuah berjumlah RM2.37 juta membabitkan 998 premis melombong bitcoin selain wang tunai RM281,180 daripada kesemua suspek yang ditahan.

Kata beliau, pihaknya turut membekukan aset berjumlah RM4.47 juta membabitkan 97 individu, 29 syarikat dan 126 akaun bank selain menyita 1,157 mesin perlombongan bitcoin bernilai RM2.34 juta.

"Sitaan turut membabitkan nilai e-wallet berjumlah RM82,000 dan wang kripto AS\$25,893.46 (RM108,573.37) selain lima buah kenderaan mewah jenis BMW, Honda Accord, Toyota Vellfire, Ford Ranger dan Audi.

"Tangkapan sama turut membabitkan seorang suspek yang menguasai 500 premis bitcoin di sembilan buah negeri," ujarnya. Azam berkata, pihaknya juga

berjaya mengesan 998 premis melombong bitcoin di seluruh negara yang dikesan mencuri bekalan elektrik dengan cara menggunakan alat khas bagi mengurangkan jumlah penggunaan elektrik bulanan.

Jelasnya, data TNB mendedahkan kecurian elektrik hasil daripada perlombongan bitcoin itu menyebabkan pihak mereka kerugian sehingga RM2.3 bilion bagi tempoh 2018 hingga 2021.

"Kami difahamkan, TNB telah melakukan tindakan penguatkuasaan termasuk memotong bekalan elektrik, namun aktiviti sama tetap berlaku sehinggalah SPRM bekerjasama menyasat perkara ini.

"Sindiket bitcoin ini menggunakan mesin-mesin melombong bitcoin yang terkini dan dibeli dari China sebelum dibawa masuk ke negara ini melalui Pelabuhan Klang dan diaythar sebagai peralatan teknologi maklumat," katanya.

## PENGUAT KUASA 'PAYUNG' SINDIKET BITCOIN DICEKUP >8

Makan suap lebih RM12,000 sebulan daripada talian mata wang kripto di Perak



Pegawai penguat kuasa ditahan SPRM kes lindungi pusat bitcoin

## Makan suap RM12,000 sebulan

Oleh EDDY HANIFF

**PUTRAJAYA** - Rombohnya Penegapan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pegawai penguat kuasa semalam bagi membantu siasatan kes melindungi pusat pusat perlombongan bitcoin dengan bayaran RM12,000 sebulan di Perak.

Pegawai berusia 34 tahun itu juga dipercayai memiliki sebuah pusat perlombongan bitcoin yang menggunakan bekalan elektrik secara haram.

Sumber memberitahu, pemilikan pegawai yang bertugas di Perak itu adalah susulan daripada soal siasat ke atas seorang kakitangan yang menawarkan sebanyak 300 premis perlombongan bitcoin di seluruh negara.

"Pegawai terbahit telah dibawa ke Mahkamah Majistret Jengat 1, Ipoh. Pegawai bagi tali semalaman untuk permohonan arahan siasatan lima hari sehingga 7 Mac ini di bawah seksyen 17 Kanun Acara Jenayah," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut sumber, hasil soal siasat juga mendedahkan bahawa wujud kegiatan pemilikan peralatan perlombongan bitcoin dalam kalangan pegawai yang agam penguat kuasa, namun premis terbahit dikesan oleh ahli siasat bagi pihak pegawai berkesanan.

"Siasatan masih berjalan dan SDU sedang mengumpul bukti untuk siasatan lanjut, tetapi SPRM tidak menolak bahawa akan ada lagi tangkapan berhubung perkara ini.

"Siasatan akan dipaparkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebentar lagi.

Di Kuala Lumpur, seorang pegawai rasuah yang bertugas di Mahkamah Majistret semalam



SPRM menahan seorang pegawai penguat kuasa ke Mahkamah Majistret Jengat 1, Ipoh semalam untuk mendapatkan permohonan arahan.



SEKARANG pegawai syarikat pemilikan ditahan rasuah selepas SPRM mendapati selubungannya Mahkamah Majistret Kuala Lumpur semalam.



KEKATAM Suruhanjaya.

bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan sindiket bilion kepada pekerja Tenaga Nasional Berhad (TNB). Perintah rasuah itu dikeluarkan

kan oleh Majistret Bar Jendatan. Beliau berhadapan suspek berusia 34 tahun berusia semalam sehingga membabitkan permohonan rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM Kuala Lumpur.

Menurut sumber, suspek yang berusia 34 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Kuala Lumpur semalam, bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(1)(A) Akta SPRM 2009.

Ralat itu, siasat mengemukakan SPRM telah memahut SDU untuk membantu siasatan kes suapan rasuah oleh sindiket bilion kepada pekerja TNB termasuk

Ops Power baru-baru ini. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, kesemua suspek lelaki berusia 30 hingga 60 tahun itu adalah warga tempatan dan salah seorang mereka menawarkan bilangan sindiket berkesanan.

Berjaya menangkap, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Dr. Baharin Din dalam satu kenyataan berhubung pemilikan, pemilikan, pemilikan berbilang terdapat kakitangan syarikat untuk itu membantu siasatan daripada sindiket rasuah terbahit berkaitan dengan bekalan elektrik untuk melombong bitcoin.

**PERTANYAAN RASUAH? IMBAS SINI :**

# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

23 April 2024 | Kosmo | Page 3



LYDIA IRMAWATI (kiri) dan suaminya, Mohamad Zahari (empat dari kiri) didakwa atas pertuduhan salah guna kuasa dan mengemukakan tuntutan palsu di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

Bekas ahli Maidam dan pasangan kena dakwa

## Lantik syarikat isteri buat pungutan zakat

Oleh **TENKU DANISH BAHRI**  
**TENKU YUSOFF**

**KUALA TERENGGANU** – Bekas Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) berpangkat Datuk didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan salah guna kuasa lima tahun lalu.

Selain warga emas itu, turut didakwa isterinya yang berusia 41 tahun kerana mengemukakan tuntutan palsu berhubung agihan zakat berjumlah RM20,000.

Datuk Mohamad Zahari Harun, 64, dan isterinya, Lydia Irmawati Mahmud bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Mohd. Azhar Othman.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Zahari didakwa menyalah guna kuasanya sebagai Ahli Jawa-

tankuasa Zakat Maidam untuk melantik syarikat milik isterinya sebagai ejen memungut kutipan zakat bagi negeri Terengganu.

Perbuatan tertuduh melantik syarikat Amcare Agency milik Lydia Irmawati itu dilakukan pada 23 September 2019.

Bagi kesalahan itu, Mohamad Zahari didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Lyfia Irmawati pula menghadapi lapan pertuduhan iaitu mengemukakan tuntutan palsu bagi bayaran balik untuk agihan zakat ke atas asnaf fakir miskin berjumlah RM19,857.21.

Kesalahan itu dilakukan pada 20 Mac 2020 sehingga September 2021.

Wanita itu didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun, sebatan dan denda, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan pasangan suami isteri tersebut dibebaskan dengan ikat jamin masing-masing RM7,000 dan RM10,000 berserta seorang penjamin.

Kedua-dua tertuduh juga perlu melapor diri di pejabat SPRM terdekat pada setiap bulan sepanjang prosiding berlangsung selain dilarang mengganggu saksi pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 20 Mei ini.

Pendakwaan kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Farah Yasmin Salleh, manakala pasangan tertuduh tersebut pula diwakili peguam Azrul Zulkifli Stork.



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

**SPRM** FOKUS

SPRM Fokus merupakan kisah benar berdasarkan siasatan SPRM. Kandungannya bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang nilai-nilai murni dan memberi pengajaran kepada mereka tentang bahaya jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

## OPS WATER

Melibatkan Jabatan Air Negeri Sabah  
Keseluruhan Rampasan berjumlah

**RM214,139,537**

Wang Tunai : **RM75,803,598**

Akaun Bank : **RM25,091,972**

- 9 Kereta Mewah
- 575 Barang Kemas Emas
- 346 Barang kemas Permata
- 93 Beg Tangan Berjenama
- 86 Jam Tangan Mewah
- 127 Bidang Tanah



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar



PERTANYAAN  
RASUAH?  
IMBAS SINI :





# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

## SPRM mendakwa pegawainya terima rasuah RM100,000

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor - Jun 15, 2021 @ 1:46pm  
bhnews@bh.com.my



Pegawai SPRM bersama seorang lagi individu didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas kesalahan rasuah bernilai RM100,000, hari ini. - Foto SPRM

SHAH ALAM: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendakwa seorang pegawainya bersama seorang lagi individu atas kesalahan rasuah di Mahkamah Seksyen, hari ini.

SPRM dalam kenyataan hari ini berkata, pegawai berkenaan, Shahrul Izuan Mohd Zin, 41, dituduh bersubhat dengan Teoh Peng Sin, 55, bagi menerima suapan wang tunai berjumlah RM100,000.

## Dua pegawai SPRM didakwa terima suapan RM40,000

Astro Awani  
Oktober 21, 2021 14:34 MYT



Dua pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas pertuduhan memperdaya dan meminta suapan berjumlah RM40,000 ringgit ke atas seorang individu pada 14 Oktober lalu.



# Contoh Kes **Rasuah** Sebenar

## Penguasa kanan SPRM dipenjarakan tiga tahun

Salah guna wang rampasan bernilai AS\$6.94 juta

KUALA LUMPUR

Seorang penguasa kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipenjarakan tiga tahun dan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat kerana menyalahgunakan wang rampasan SPRM berjumlah AS\$6.94 juta.

Hakim Suzana Hussin menjatuhkan hukuman itu selepas Shahrum Nizam Baharuddin, 41, menukar pengakuan kepada bersalah atas pertuduhan pilihan ketika sebutan kes pada Jumaat.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjarakan dari tarikh tangkap pada 13 September 2021.

Sebelum ini, SPRM mengesahkan penahanan tiga pegawainya bagi membantu siasatan dakwaan salah guna kuasa dan penyelewengan dalam urusan kes bekas Ketua Pengarah Organisasi Perisikan Luar Malaysia (MEIO), Datuk Hasanah Abdul Hamid.

Pada 12 April 2021, Mahkamah Tinggi di sini melepas tanpa membebaskan Hasanah daripada pertuduhan melakukan pecah amanah US\$12.1 juta (RM50.4 juta) milik kerajaan Malaysia.

Menurut Ahmad Hafiz, aset yang dibeli meng-



Mahkamah perlu mengambil kira tahap keseriusan kesalahan dilakukan dan ia dilakukan oleh seorang penjawat awam yang diberi amanah dengan tugas tetapi mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri."

gunakan wang hasil daripada rampasan SPRM itu, telah dirampas dan disita oleh SPRM serta anak guamnya memohon maaf atas kesilapannya dan berjanji tidak akan mengulanginya lagi.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib memohon mahkamah mempertimbangkan faktor kepentingan awam melebihi kepentingan tertuduh dalam menjatuhkan hukuman.

"Mahkamah perlu mengambil kira tahap keseriusan kesalahan dilakukan dan ia dilakukan oleh seorang penjawat awam yang diberi amanah dengan tugas tetapi mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri.

"Pendakwaan mohon mahkamah mengambil kira nilai wang yang terlibat dan kesalahan ini telah mencemarkan imej SPRM sebagai sebuah organisasi dan individu tertentu dalam organisasi tersebut secara khasnya," kata beliau. - *Bernama*

### Kronologi kes SPRM AS\$6.94 juta

- Tular laporan di sebuah blog mendakwa tiga pegawai kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditahan bagi membantu siasatan berhubung kecurian wang tunai AS\$6.94 juta milik seorang individu yang diletakkan badan itu.
- Wang tunai tersebut didakwa dirampas oleh SPRM di sebuah kondominium di Cyberjaya.
- Individu terbabit dikatakan sudah dilepas tanpa bebas oleh mahkamah dan mahu menuntut semula wang tunai yang dirampas, tetapi mendakwa hanya tinggal sebahagian dengan selebihnya adalah wang palsu.

#### 12 April 2021

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melepas tanpa membebaskan bekas Ketua Pengarah Organisasi Perisikan Luar Malaysia (MEIO), Datuk Hasanah Abdul Hamid daripada pertuduhan melakukan pecah amanah AS\$12.1 juta (RM50.4 juta) milik kerajaan Malaysia.

#### 22 September 2021

Menurut Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, PDRM telah membuka satu kertas siasatan berhubung laporan polis yang diterima berkaitan isu berkenaan dan disiasat di bawah klasifikasi Kertas Enkuiri Polis (KEP).

#### 23 September 2021

PDRM akan memanggil tiga pegawai kanan SPRM yang sebelum ini direman selama enam hari bagi melengkapkan siasatan berhubung kehilangan wang berkenaan.

PDRM turut mengatakan pemilik wang itu, Hasanah.

#### 26 September 2021

Sumber SPRM memaklumkan bahawa suruhanjaya itu menyita sebuah rumah dan beberapa kenderaan mewah serta motosikal berkuasa tinggi bernilai RM1.6 juta dipercayai berkaitan siasatan curi barang kes.

#### 4 Januari 2022

Seorang Penguasa Kanan SPRM, Shahrum Nizam Baharuddin, 41 didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tuduhan melakukan pecah amanah terhadap wang berjumlah AS\$6.94 juta.

#### 5 Januari 2022

SPRM sudah melakukan pemulihan aset dan menyita wang tunai berjumlah kira-kira AS\$4.07 juta (RM17.07 juta) dan RM1.6 juta, dalam kes pecah amanah membabitkan pegawainya yang bernilai AS\$6.94 juta (RM29.1 juta).

SPRM mengesahkan penahanan tiga pegawainya bagi membantu siasatan dakwaan salah guna kuasa dan penyelewengan dalam urusan kes Hasanah.



### BELI TANAH, ASET RM2.7 JUTA GUNA WANG RAMPASAN \*8

Pegawai SPRM songkap AS\$6.94 juta dijel tiga tahun, berjoli sakan beli pelbagai hartanah termasuk jam tangan mewah

